

Family Variables and Self Concept Variables (Part 11)

Siti Sarawati Binti Johar

4.3 Kajian Coopersmith (1967)

Kajian dilaksanakan terhadap 1,700 kanak-kanak yang berusia lingkungan 10-12 tahun. Hasil kajian, didapati kanak-kanak yang memiliki nilai penghargaan sendiri tinggi dikesan lebih aktif, berjaya dalam sosial & akademik, berpersonaliti ekstrovert dan berani menyumbangkan idea, tidak sensitif dengan kritikan & yakin dalam tindakan. Ini sebenarnya menunjukkan adanya hubungan yang signifikan dengan sikap, penampilan dan gaya ibu bapa, mentaliti ibu bapa, layanan mesra yang diberikan kepada anak-anak dan disiplin yang menjadi suatu kebiasaan. Menurut Coopersmith juga, didapati tiada wujudnya kolerasi hubungan antara penghargaan sendiri dan saiz keluarga, ketinggian atau status ekonomi. Beliau lebih menumpukan penghargaan sendiri yang mempunyai perkaitan rapat dengan sikap ibu bapa dan gaya ibu bapa dalam mendidik dan melayan anak-anak mereka beserta segala peraturan dan disiplin yang ditetapkan.

Seterusnya, kajian turut dilakukan terhadap 1,748 pelajar dalam gred 5 dan 6. Hasil kajian didapati bahawa ibu bapa yang memiliki penghargaan sendiri yang tinggi biasanya juga mempunyai anak-anak yang memiliki tahap penghargaan sendiri yang turut tinggi. Ketara di sini, kajian berupaya membuktikan bahawa sememangnya ibu bapa adalah pemboleh ubah utama yang menjadi faktor atau pengaruh yang menjadi prioriti dalam proses pembentukan konsep sendiri dan personaliti anak-anak.

Coopersmith telah membuat kajian ekstensif dan membuat kesimpulan bahawa wujud perbezaan yang signifikan dalam dunia penyelidikan dan tingkah laku sosial yang berbeza dalam konsep sendiri. Kanak-kanak dengan konsep sendiri yang tinggi menunjukkan kecerdasan dan kejayaan daripada segi social dan akademik. Kanak-kanak yang mempunyai konsep sendiri lemah memberikan gambaran yang bersifat tertekan, rasa terasing, tidak dicintai, tidak berupaya membela diri dan mengatasi kekurangan ataupun kelemahan.

Daripada data diperolehi, kajian Coopersmith ke atas ibu bapa mendapati ibu bapa yang mempunyai konsep sendiri yang tinggi dan emosi yang stabil memberi perhatian kepada anak-anak mereka sehingga mewujudkan keyakinan terhadap mereka. Interaksi antara suami isteri dalam keluarga kanak-kanak yang mempunyai konsep sendiri yang tinggi lebih serasi dengan pendapat dan bertoleransi. Konsep sendiri didapati tinggi bagi anak pertama dan anak tunggal. Penekanan bagi tingkah laku yang baik secara konsisten membawa penilaian sendiri yang tinggi memandangkan persekitaran sosial yang lebih dinamik.

CONTINUE...